

Kerajaan sedia hadapi kemelesetan

17 MAR 1991
KUALA LUMPUR, Khamis — Kerajaan sudah menyediakan panduan bagi membolehkan ia mengambil tindakan susulan sekiranya harga minyak dunia jatuh dan kemelesetan ekonomi yang kini sudah melanda Amerika Syarikat merebak ke Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata panduan itu dibincangkan di persidangan pertama Majlis Perdagangan Malaysia (MPM) secara tertutup yang dipengerusikan oleh beliau sendiri, hari ini.

Ditanya selepas melancarkan MPM yang disertai oleh 62 anggota termasuk Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba dan 10 anggota Kabinet di Kuala Lumpur, hari ini, beliau berkata kerajaan sudah mengambil kira apa jua kemungkinan sekiranya harga minyak mentah jatuh dan kesan ekonomi dunia yang semakin lembap merebak ke Malaysia.

Katanya, kajian untuk mengatasi kesan dan masalah berbangkit terhadap keadaan ekonomi negara berikutan Perang Teluk sudah dilaksanakan oleh kementerian-kementerian.